

Rujukan Kami : USM.JB.HB.G.4/2022

Tarikh : 9 Disember 2022

Pengarah Kampus/ Dekan/ Pengarah/
Ketua Jabatan/ Pusat Pengajian/ Pusat/ Jabatan/ Unit
Kampus Induk/ Kampus Kejuruteraan/ Kampus Kesihatan
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

HEBAHAN BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2022

MAKLUMAN BERKENAAN PENGESAHAN DOKUMEN PERMOHONAN PINJAMAN PERUMAHAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) OLEH KETUA JABATAN.

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana dimaklumi, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) merupakan agensi yang bertanggungjawab menguruskan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam. Staf Universiti yang layak boleh membuat permohonan secara atas talian melalui laman sesawang LPPSA (www.lppsa.gov.my) berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

3. Sehubungan itu bagi memastikan kelancaran proses permohonan pinjaman staf, pengesahan borang dan dokumen-dokumen sokongan kini boleh **ditandatangani dan dicap oleh Ketua Jabatan Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing**. Selain itu surat iringan permohonan pinjaman perumahan, pemohon iaitu staf perlu mendapatkannya dari Unit Perkhidmatan & Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.

4. Bersama-sama ini dilampirkan Carta Aliran Pengurusan Permohonan Pinjaman Perumahan (**Lampiran 1**) untuk rujukan. Semoga hebahan ini dapat dipanjangkan untuk makluman staf PTJ seliaan YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(KAMARUL ARIFFIN NGAH)

Bendahari



HEBAHAN BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2022

MAKLUMAN BERKENAAN PENGESAHAN DOKUMEN PERMOHONAN PINJAMAN PERUMAHAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) OLEH KETUA JABATAN.

s.k.: Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan & Inovasi

Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwat Pembangunan Pelajar & Alumni

Timbalan Naib Canselor
Kelestarian Dan Pembangunan Institusi

Pengarah
Kampus Kesihatan

Pengarah
Kampus Kejuruteraan

Pendaftar

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Ombudsman

Pengarah
Pusat Perancangan Institusi dan Strategik

Pengarah
Pembangunan Korporat Strategik

CARTA ALIR PERMOHONAN PINJAMAN PERUMAHAN LPPSA

